

## WAKAF UNIT AMANAH



### ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008 PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

#### WAKAF UNIT AMANAH

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

#### JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan unit amanah dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. Wakaf unit amanah ialah memindahkan hak milik mana-mana unit amanah yang dimiliki oleh pelabur dan dikumpulkan dalam sebuah dana amanah yang diuruskan oleh pengurus dana profesional dan bertauliah dalam bentuk harta alih yang boleh dijual dan dibeli oleh pelabur secara bebas sebagaimana saham.
2. Hukum wakaf unit amanah adalah **harus** kerana ia adalah dalam bentuk aset yang diiktiraf menurut Hukum Syarak berdasarkan hujah-hujah berikut:
  - (a) unit amanah adalah harta yang mempunyai manfaat bersesuaian dengan konsep *tasbil al-manfaah* iaitu sumbangan jariah yang dapat memberikan manfaat bagi sesuatu harta yang diwakafkan di samping dapat

mengekalkan bentuk asal harta itu dalam bentuk bilangan unitnya dan juga dapat menghasilkan pulangan dan keuntungan.;

- (b) uruf semasa menganggap unit amanah itu ialah instrumen kewangan bernilai yang mudah dicairkan dan hampir sama dengan wang tunai.

Wakaf tunai sudah dibenarkan dan diiktiraf oleh badan-badan fatwa di peringkat tempatan dan antarabangsa. Oleh itu, hujah yang mengharuskan wakaf tunai boleh juga digunakan dalam wakaf unit amanah.

- (c) keharusan wakaf saham dan wakaf sukuk juga telah diputuskan oleh Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dan *Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) memandangkan unit amanah pada hakikatnya adalah sijil pemilikan ke atas aset pelaburan berkelompok yang boleh dijual beli sama seperti saham dan sukuk.
- (d) wakaf unit amanah bertepatan dengan kehendak semasa dan tidak bercanggah dengan masalah serta bertepatan dengan *Maqasid Syariah* khususnya dalam penjagaan harta (حفظ المال).

3. Tujuan utama wakaf unit amanah diharuskan adalah untuk memelihara bentuk asal unit amanah dan penggunaan keuntungan yang dihasilkan adalah untuk matlamat wakaf dan bukan untuk didagangkan dalam pasaran kewangan. Unit amanah tersebut tidak boleh dijual kecuali untuk keperluan yang mendesak dan tertakluk kepada peraturan–peraturan berkenaan *istibdal*.

[(78)dIm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]

Tarikh Warta : 20 Januari 2022

Tarikh Keputusan : 4 April 2021